


Jilid II
Bil. 14



Hari Isnin
5hb Julai, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Tuan Haji Abdul Manan bin Haji Othman [Ruangan 1517]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 1517]

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 1518]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 1518]

Ucapan Takziah kepada Puan Sri Athi Nahappan dan Keluarga [Ruangan 1519]

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT [Ruangan 1519]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 1546]

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG DARIPADA AHLI BUKAN KERAJAAN:

Rang Undang-undang (Pembuangan Yang Tidak Adil) Pekerjaan, 1976 [Ruangan 1548]

USUL:

Akta Perubatan, 1971—Melanjutkan Kuatkuasa [Ruangan 1561]

RANG UNDANG-UNDANG PEKERJAAN (PINDAAN)—DIKELUARKAN DARI-PADA ATURAN URUSAN MESYUARAT [Ruangan 1562]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) [Ruangan 1563]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P. S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL
GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K., (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).

„ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Star).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

„ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N. P.M.P., (Bagan Serai).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia Dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (MUAR).

„ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).

„ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).

„ Timbalan Menteri, di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan
Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Bau Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN
HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN
(Baram).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N.,
D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P. P.N.B.S.,
S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.
(Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

Yang Berhormat TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN HAJI JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 5hb Julai, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Haji Abdul Manan bin Haji Othman

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuaratnya yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1975), 1976;
2. Akta Polis (Pindaan), 1976;
3. Akta Badan-badan Berkanun, 1976;
4. Akta Badan Berkanun Getah, 1976;
5. Akta Pendaftaran Ekspot Getah, (Pindaan), 1976;
6. Akta Perbadanan (Kelayakan Badan Perundangan Negeri) (Pindaan), 1976;
7. Akta Kastam (Pindaan), 1976;
8. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan), 1976;
9. Akta Instituti Teknologi Mara, 1976 ;
10. Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tata-tertib), 1976;
11. Akta Cap Dagangan, 1976; dan
12. Akta Eksais, 1976.

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli baharu yang telah mengangkat sumpah dalam Dewan ini sebentar tadi; dan berharap semoga beliau dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima suatu keputusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat tempoh hari.

Saya jemput Setiausaha membacakan Keputusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Keputusan)

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujukan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1975);
2. Rang Undang-undang Cap Dagangan;
3. Rang Undang-undang Perbadanan (Kelayakan Badan Perundangan Negeri) (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Pendaftaran Ekspot Getah (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Eksais;
6. Rang Undang-undang Polis (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Kastam (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Instituti Teknologi Mara;

10. Rang undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib);
11. Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah; dan
12. Rang Undang-undang Badan Berkanun.

Tandatangan:

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA.”

UCAPAN TAKZIAH KEPADA PUAN SRI ATHI NAHAPPAN DAN KELUARGA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan sedih saya memaklumkan iaitu kita telah kehilangan seorang Menteri dengan kematian Mendiang Yang Berhormat Tan Sri Datuk Athi Nahappan pada 9hb Mei, 1976. Bagi pihak Parlimen saya telahpun menghantar kawat takziah kepada balu beliau Puan Sri Datin Athi Nahappan dan keluarganya. Marilah kita berdoa semoga Tuhan cucuri rahmat ke atas rohnya. Sekarang saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun bersama-sama saya bertaffakur selama seminit sebagai menghormati Mendiang Yang Berhormat Tan Sri Datuk Athi Nahappan.

(Majlis bertafakur selama seminit)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

PEMBORONG BEKALAN MAKANAN ANGKATAN TENTERA— PENYELEWENGAN

1. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Pertahanan menyatakan berhubung dengan pendedahan baru-baru ini oleh Timbalan Menteri Pertahanan, bahawa pemborong-pemborong bekalan makanan kepada anggota-anggota angkatan tentera kita telah membekalkan dengan ayam sakit, ikan kembong dan bukan ikan bawal dsb., apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan terhadap pemborong-pemborong tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan yang mendalam atas perkara ini iaitu urusan pembekalan sedang dijalankan oleh semua pihak yang berkenaan

di Kementerian Pertahanan. Segala peraturan-peraturan yang sedia ada berkaitan dengan bekalan makanan kepada yunit-yunit tentera dan juga langkah-langkah kawalan seperti pemeriksaan mengejut dan sebagainya sedang diulangkaji untuk mengurangkan jika tidak menghapuskan sama sekali berlakunya penyelewengan-penyelewengan seperti yang telah saya dapati berlaku di beberapa tempat baru-baru ini.

Tuan Embong bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri memikirkan perkara ini baru berlaku sekarang ini ataupun sudah bertahun-tahun berlaku dalam Kementerian Pertahanan?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya baru berjumpa perkara ini, kerana saya baru berada dalam Kementerian yang berkenaan ini.

PEMASARAN HASIL-HASIL PERTANIAN

2. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Pertanian menyatakan berhubung dengan FAMA, adakah Kerajaan sedar bahawa orang-orang kampung sekarang sedang mengalami kerugian kerana hasil tanaman mereka tidak mendapat pasaran yang baik, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, soal ini sangatlah umum. Tetapi walau bagaimanapun pada keseluruhannya petani-petani di negara ini telah dapat memasarkan hasil pengeluaran mereka dengan harga yang berpatutan. Tetapi tidaklah dinafikan bahawa ada juga masaalah-masaalah pemasaran bagi setengah-setengah hasil pengeluaran mereka.

Pemasaran hasil-hasil pertanian adalah satu perkara yang rumit. Untuk mengatasi masaalah pemasaran ini 100% petani-petani hendaklah mendapatkan nasihat daripada FAMA dan juga Lembaga Pertubuhan Peladang atau agensi-agensi Kerajaan yang lain yang terlibat di dalam pengeluaran dan pemasaran hasil-hasil pertanian di peringkat daerah-daerah untuk memudahkan bagi memasarkan hasil-hasil pertanian mereka.

KESELAMATAN PEGAWAI-PEGAWAI IMIGERESEN DI SEMPADAN MALAYSIA/THAI

3. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar tentang kedudukan keselamatan yang membahayakan ke atas pegawai-pegawai Imigresen kita yang bertugas di Sempadan Malaysia/Thai:

- (a) samada Kerajaan akan menimbang membekalkan senjatapi kepada mereka;
- (b) samada Kerajaan akan menimbang memberikan kenderaan kuasa kuda yang lebih kuat untuk mereka gunakan bagi menjalankan tugas; mengejar penyeludup-penyeludup dan anasir-anasir jahat; dan
- (c) memandangkan keadaan keselamatan mereka (termasuk keluarga) yang selalu terancam itu, apakah langkah-langkah keselamatan yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan dari berlakunya penculikan ke atas keluarga mereka atau sebagainya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telahpun membekalkan senjatapi untuk kegunaan pegawai-pegawai Imigresen yang bertugas di Sempadan.
- (b) Tugas utama pada pegawai Imigresen di sempadan ialah memeriksa dan mengatur orang-orang keluar masuk di pintu-pintu yang tertentu (pintu-pintu yang digazette). Tugas-tugas mengejar penyeludup dan anasir-anasir jahat adalah dijalankan oleh pihak berkuasa lain. Jadi soal adakah kita patut memberi kereta yang lebih laju tidak timbul.
- (c) Sebagai satu langkah keselamatan pegawai-pegawai dan keluarga mereka kita sentiasa memberi nasihat supaya jangan selalu sangat pergi menyeberang sempadan untuk membeli-belah di sana dan sekiranya perlu hendaklah mereka pergi beramai-ramai dalam kumpulan. Selain daripada itu, pegawai-pegawai kita juga ditempatkan di rumah kediaman di dalam kawasan yang berpagar.

Tuan Embong bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa bulan dahulu kalau tidak salah Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada mengisytiharkan hendak memberi senjata kepada Pegawai Imigresen dengan disiarkan dalam surat-khabar secara besar-besaran. Tidakkah ini difikirkan satu perkara yang boleh diketahui oleh musuh kita keadaan seperti itu atau lebih baik kita beri senyap-senyap sahaja.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingat kalau ada saya mengatakan kita akan siarkan soal ini dengan besar-besaran, tetapi saya mesti mengaku bahawa pegawai kita ada senjata.

Tuan Embong bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah Yang Berhormat Timbalan Menteri barangkali memberitahu dalam surat-khabar yang Pegawai Imigresen hendak diberi senjatapi. Saya rasa keadaan yang seperti ini diketahui oleh musuh dan tidak patut kita memberi publisiti besar-besaran berkenaan dengan senjata kepada pegawai-pegawai kita.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, patut musuh kita tahu yang kita cukup lengkap senjata untuk menentang mereka.

PENTADBIRAN JABATAN KERAJAAN BADAN-BADAN BERKANUN

4. Dr Hee Tien Lai minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar iaitu dengan menubuhkan berbagai-bagai agensi-agensi Kerajaan dan Lembaga-lembaga, pihak pentadbiran awam akan memperluaskan kuasa, pengaruh dan juga kepentingannya dan dengan ini juga akan menyebabkan peranan dan status Wakil-wakil Rakyat bertambah kurang. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk mengubah aliran ini dengan mengadakan berbagai-bagai cara untuk mengawal sistem pentadbiran Kerajaan supaya dapat berjalan dengan licin untuk melaksanakan berbagai-bagai rancangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, penubuhan agensi Kerajaan dan Badan Berkanun mengurangkan ataupun mengambil

alih peranan dan status Wakil-wakil Rakyat bukanlah bertujuan meluaskan kuasa pihak pentadbiran awam dan Penubuhan Jabatan ataupun Badan Berkanun Kerajaan bergantung atas keperluan menambah keupayaan jentera perkhidmatan awam, melaksanakan dasar Kerajaan dan memberikan perkhidmatan untuk rakyat dengan cekap. Matlamat, tugas dan kewajipan tiap-tiap Jabatan Kerajaan termasuk Badan Berkanun ditetapkan oleh Kerajaan yang menentukan dasar pentadbirannya dan memberi arahan mengenai cara pelaksanaan perkara itu.

Pentadbiran Jabatan Kerajaan tertakluk dan dikawal oleh Perintah-perintah Am, Arahan Perbendaharaan dan lain-lain arah-pentadbiran yang dikeluarkan, dari semasa ke semasa, manakala Badan-badan Berkanun pula adalah tertakluk kepada Akta atau undang-undang penubuhan dan peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan perintah yang dibuat di bawah undang-undang yang berkenaan.

Kerajaan sentiasa mengawasi perjalanan jentera pentadbiran untuk menjaga kecergasan dan kecekapannya. Perubahan yang sewajarnya akan dibuat bergantung kepada keadaannya.

KOMPLEKS BATALION KHAS DI NEGERI PERLIS

5. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa Kerajaan Negeri Perlis telah meminta supaya ditempatkan suatu batalion khas di negeri tersebut; jika ya, adakah Kementerian ini bersetuju dengan permintaan tersebut dan bilakah ianya akan dilaksanakan.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan sedar bahawa Kerajaan Negeri Perlis telah meminta supaya ditempatkan satu batalion khas di negeri Perlis. Kementerian Pertahanan berpendapat adalah wajar di tempatkan satu batalion di kawasan sempadan Perlis/Kedah, tetapi Kementerian Pertahanan masih sedang menimbangkan kedudukan lokasi yang paling sesuai untuk pembinaan kompleks batalion yang tetap.

SURUHANJAYA DAN BADAN BERKANUN KERAJAAN

6. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa beberapa Suruhanjaya dan Badan Berkanun Kerajaan yang menerima permohonan untuk berbagai jawatan di pertubuhan mereka tidak memberi jawapan samada sesuatu permohonan itu berjaya ataupun ditolak, dan kalau adapun jawapan memanggil temuduga, masanya terlalu suntuk bagi pemohon-pemohon. Jika sedar, apakah cara untuk mengatasi perkara ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum untuk dijawab secara tepat kerana tidaklah diketahui Suruhanjaya Perkhidmatan atau Badan Berkanun yang mana satu dimaksudkan. Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan bukan sahaja ada di peringkat Persekutuan bahkan juga di peringkat-peringkat negeri dan begitu juga Badan-badan Berkanun.

Mengikut amalan yang diikuti oleh Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan dan Badan-badan Berkanun di peringkat Persekutuan dalam urusan pengambilan pekerja-pekerja, semua permohonan untuk jawatan-jawatan yang diiklankan adalah diberi jawapan secara bersurat samada permohonan-permohonan mereka berjaya atau tidak. Tetapi bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi dan juga beberapa Badan-badan Berkanun, pemohon-pemohon yang tidak dipanggil temuduga tidaklah diberitahu secara perseorangan tetapi mereka diberitahu secara umum melalui akhbar-akhbar yang menyatakan bahawa urusan pengambilan bagi sesuatu jawatan yang berkenaan itu telah selesai dan mereka yang tidak menerima apa-apa jawapan adalah dianggap tidak berjaya. Amalan ini dibuat sebagai langkah menjimatkan masa dan tenaga memandangkan bahawa Suruhanjaya atau Badan Berkanun yang berkenaan itu mempunyai bilangan kakitangan yang kecil sahaja.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, calun-calun yang dipanggil temuduga lazimnya diberitahu dalam tempoh dua (2) minggu sebelum tarikh temuduga. Tetapi dalam keadaan-keadaan yang mendesak tempoh tersebut tidaklah

dapat diikuti. Dalam keadaan begini calon-calon adalah diberi tempoh masa yang cukup untuk membuat persediaan bagi menghadiri sesuatu temuduga.

Bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengawasi perjalanan jentera pentadbiran untuk menjaga kecergasan dan kecekapannya. Perubahan-perubahan yang sewajarnya akan dibuat bergantung kepada keadaannya.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar biasanya tarikh yang ditujukan kepada alamat itu katalah 7 haribulan tetapi cap yang terlekat di Pejabat Pos itu kadang-kadang 14 atau 16 haribulan, hendak dipanggil temuduga pada 18 haribulan. Dimanakah kesilapannya boleh berlaku demikian?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya terangkan tadi lazimnya satu Suruhanjaya Perkhidmatan memberi tempoh 2 minggu untuk calon-calon bersiap sedia untuk datang ke tempat-tempat di mana temuduga diadakan. Jika ada kelambatan Ahli Yang Berhormat boleh memberi tahu kes-kes yang tertentu kepada saya untuk disiasat.

BIL-BIL TALIPON, SABAH

7. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Perhubungan:

- (a) mengapakah Jabatan Talikom Sabah digalakkan menghantar bil-bil talipon kepada pelanggan-pelanggan setelah setahun berlepas, dan apakah tindakan yang akan diambil ke atas Jabatan tersebut yang sekarang baru menghantar bil talipon untuk tahun 1975 kepada pelanggan-pelanggannya kerana ini mendatangkan kesusahan kepada mereka; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa panggilan-panggilan jauh yang tidak pernah dibuat telah dimasukkan ke dalam bil dan jika sedar, adakah beliau akan menyiasat perkara ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini bil-bil talipon adalah lebih kurang 6 bulan kebelakangan. Perkara ini tidaklah

digalakkan kerana kami sedar selain daripada kesukaran yang dialami kepada setengah-setengah pelanggan hasil Kerajaan perlulah diperolehi dengan segera. Pengeluaran-pengeluaran bil talipon di Sabah adalah di dalam 3 bulan. Untuk mengatasi masalah ini 6 buah mesin pengira baru berharga lebih kurang \$100,000 telah dibeli dan dua telah digunakan semenjak November, 1975, dua semenjak 1976 dan dua lagi semenjak 22hb Jun, 1976.

Selain daripada itu, dua shift telah dijalankan dan 19 orang pegawai sementara telah dilantik dan bekerja. Adalah dijangka kerja-kerja kebelakangan ini dapat diatasi di dalam masa 6 bulan ini ataupun awal lagi. Sebaik sahaja kerja-kerja kebelakangan ini disiapkan bil-bil bulanan akan dikeluarkan. Jabatan Talikom Sabah telah mengemukakan kebenaran kepada Jabatan Pengatur-cara Sabah untuk mendapatkan alat-alat pengira yang lebih moden seperti mengikut komputer. Dengan adanya alat-alat kelak kerja-kerja mengeluarkan bil-bil talipon akan berjalan lebih licin.

Perkara mengenai bayaran panggilan jauh yang tidak sebenarnya dibuat oleh pelanggan-pelanggan jarang berlaku. Jika berlaku dan pengaduan diterima daripada pelanggan tiket panggilan akan disiasat dan jika didapati kesalahan ini benar, pelanggan-pelanggan diberitahu dan dikredit atas bayaran yang dikenakan diberi kepada pelanggan.

NORTHROP F5-E—SCANDAL TUDM

8. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (i) samada Kerajaan telah memulakan penyiasatan ke atas scandal TUDM Northrop F5—E; dan
- (ii) kiranya sudah, bilakah penyiasatan itu akan selesai.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Biro Siasatan Negara sudahpun memulakan penyiasatan ke atas tuduhan ini semenjak beberapa bulan dahulu. Oleh kerana siasatan seumpama ini memerlukan kajian yang mendalam serta menyeluruh, tidaklah dapat saya nyatakan pada masa sekarang bilakah agaknya penyiasatan itu akan selesai.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, bila siasatan telah siap saya ingin tahu adakah Kerajaan akan membentangkan laporan itu kepada Dewan ini untuk dibincangkan?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ialah soalan bila, jadi apabila sampai ketikanya kelak akan ditentukan.

KANG KOCK SENG (DATUK)—SALAH-GUNA WANG BANK

9. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan memerintahkan satu siasatan terhadap tuduhan-tuduhan yang dibuat di dalam *Far Eastern Economic Review* (21hb Mei, 1976) mengenai penyalahan guna wang-wang bank oleh seorang yang bernama Datuk Kang Kock Seng di United Malayan Banking Corporation. Kiranya tuduhan-tuduhan itu betul, adakah Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang keras terhadap orang-orang yang melakukannya.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya kira tidaklah sesuai bagi saya mengulas artikel yang disiarkan dalam Majallah *Far Eastern Economic Review* keluaran 21hb Mei, 1976 yang dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, oleh kerana perkara ini melibatkan perkara-perkara tertentu mengenai kepentingan awam, saya sukalah memberi penjelasan mengenai perkara ini.

Pertamanya, saya terpaksa menghormati undang-undang bank khasnya peruntukan-peruntukan rahsia dalam undang-undang tersebut. Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat menghargai jika saya katakan saya tidak dapat mendedahkan kenyataan-kenyataan tertentu tanpa melanggar peruntukan-peruntukan berkenaan undang-undang tersebut.

Yang kedua, saya perlu menyatakan bahawa semua bank perdagangan di negara ini adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Bank, 1973 dan adalah sentiasa diawasi oleh Bank Negara Malaysia. Undang-undang Bank adalah bertujuan untuk memberi perlindungan kepada penyimpan-penyimpan dan kepentingan awam

amnya serta mengadakan sistem bank yang sihat di negara ini. Semua bank sentiasa diperiksa oleh Bank Negara Malaysia untuk memastikan objektif yang disebut di atas dapat dicapai.

Berkenaan dengan United Malayan Banking Corporation kegiatannya adalah diperiksa oleh Bank Negara Malaysia. Saya diberitahu bahawa bank ini adalah berjalan dengan baik di samping beberapa perkara yang ditimbulkan oleh pemeriksa-pemeriksa Bank Negara yang telah mendapat perhatian utama dari pihak pengurusan bank tersebut dan tindakan-tindakan untuk memperbaiki beberapa perkara yang ditimbulkan akan diambil. Kementerian saya sangat sedar mengenai perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan telah pun dipersetujui supaya struktur modal serta pengurusan sebuah bank yang penting seperti United Malayan Banking Corporation hendaklah disusun semula. Siasatan telahpun dijalankan dan tindakan seterusnya bagi memperbaiki keadaan akan diambil.

DASAR EKONOMI BARU—KEJAYAAN

10. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O. K. K. Haji Asneh minta Perdana Menteri menjelaskan berapa peratuskah Dasar Ekonomi Baru telah terlaksana setakat ini; adakah terdapat batu penghalang dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru ini dan jika ya, apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasinya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah terkandung di dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dibentangkan dalam Dewan ini tidak lama lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan menerima dokumen Rancangan itu dalam minggu ini. Oleh hal yang demikian, saya rasa tidak perlu lagi saya memanjang lebar perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan, oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan berpeluang mengetahui dan membahaskannya apabila tiba masanya nanti.

ALLAHYARHAM TUN MOHD FUAD STEPHENS

11. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan memberitahu hasil siasatan yang dijalankan

ke atas kematian Allahyarham Tun Mohd. Fuad Stephens, bekas Ketua Menteri Sabah; samada benar atau tidak peristiwa terhempas kapal terbang Nomad itu mempunyai ciri-komplot politik, dan samada Kerajaan akan mengumumkan hasil laporan siasatan itu kepada orang ramai, jika tidak, mengapa.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, satu pasukan penyiasat-penyiasat terdiri dari Pegawai-pegawai Jabatan Penerbangan Awam dan Tentera Udara Di Raja Malaysia, telah pun ditugaskan untuk menjalankan penyiasatan sebaik-baik sahaja berlaku kemalangan itu. Penyiasatan masih berjalan lagi dan laporan yang lengkap dijangka hanya dapat disiapkan dalam beberapa minggu lagi.

CARUMAN POLITIK OLEH SYARIKAT ASING/TEMPATAN

12. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan mengemukakan Rang Undang-undang yang menghendaki caruman-caruman politik oleh syarikat-syarikat asing dan tempatan. Perusahaan-perusahaan atau firma-firma kepada partai-partai politik diumumkan untuk pengetahuan orang ramai serta perakaunan caruman-caruman tersebut supaya mencegah konflik kepentingan dan juga untuk menentukan politik tidak akan menjadi alat permainan orang-orang yang memberi wang kepada parti-parti politik.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengemukakan Rang Undang-undang seperti yang dimaksudkan itu, kerana kebimbangan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu boleh dikawal di bawah Undang-undang yang ada seperti Penal Code atau pun Anti-Corruption Act.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa Undang-undang Anti-Corruption Act dan Penal Code yang ada sekarang tidak begitu berkesan untuk mencegah korupsi-korupsi di jawatan tertinggi dan oleh kerana bukan sahaja di negara kita tetapi di seluruh dunia kita boleh nampak derma-derma ataupun contributions oleh syarikat-syarikat atau firma-firma besar kepada parti-parti politik, khususnya parti

politik yang memerintah yang mengakibatkan salah-gunaan dan penyelewengan kepentingan rakyat jelata. Untuk menjamin supaya perkara ini tidak akan berlaku di masa hadapan di negara kita, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju bahawa satu langkah yang sewajarnya, selain daripada mengadakan Penal Code dan Anti-Corruption Act ialah satu Rang Undang-undang untuk mewajibkan firma-firma mendedahkan contributions mereka oleh kerana langkah ini pun akan mendapat kepercayaan rakyat jelata.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan Kerajaan tidak bercadang hendak mengadakan Undang-undang yang semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

SOALAN No. 13 DITARIK BALIK

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab, saya tarik balik soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tarik balik soalan No. 13?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, soalan No. 13.

(Soalan No. 13 ditarik balik)

FELDA DI NEGERI TRENGGANU

14. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau bercadang hendak membuka lagi rancangan tanah FELDA di Negeri Trengganu, jika ya, bila dan jika tidak, kenapa.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, sememangnya FELDA bercadang hendak membuka banyak lagi rancangan-rancangan pembangunan tanah di Negeri Trengganu apabila kawasan-kawasan tanah baharu diperolehi daripada Kerajaan Negeri Trengganu. Sekarang FELDA sedang meneruskan rundingan dengan Kerajaan Negeri tersebut untuk mendapatkan kawasan-kawasan tambahan yang sesuai dan menasabah.

SOALAN No. 15 DITARIK BALIK

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock.

Tuan Lim Cho Hock: Saya menarik balik soalan No. 15.

(Soalan No. 15 ditarik balik)

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Au How Cheong.

SOALAN No. 16 DITARIK BALIK

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya menarik balik soalan No. 16.

(Soalan No. 16 ditarik balik)

KESELAMATAN DALAM NEGERI TERKAWAL

17. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar akan kenyataannya bahawa keadaan keselamatan dalam negeri kita terkawal. Sila beri penjelasan lebih mendalam lagi takrif keadaan terkawal itu dari segi:

- (a) jenayah;
- (b) ancaman;
- (c) penyeludupan;
- (d) kawalan sempadan; dan
- (e) kawasan perairan (laut).

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyatakan bahawa keadaan keselamatan negara kita adalah terus terkawal iaitu tidak se inci pun tanah bertuah kita ini di kuasai oleh musuh, umpamanya, Projek Lebuh raya Timur-Barat, Projek Ampangan Temenggor tidak dapat diganggu kemajuannya oleh pegganas-pegganas kominis walaupun projek-projek ini mereka tahu akan mengeciwakan rancangan mereka. Kita juga tidak mendapat apa-apa maklumat bahawa mereka itu menerima senjata daripada kuasa luar dan ini membuktikan bahawa mereka belum mencapai peringkat kekuatan yang boleh menerima bantuan senjata dari luar dengan cara besar-besaran. Bahagian Perisikan, Tuan Yang di-Pertua, sentiasa menyiasat dan sentiasa mengawal, mengumpul, menyemak dan membandingkan maklumat-maklumat risikan mengenai kegiatan-kegiatan pegganas dan juga kegiatan jenayah. Dan juga kita pada masa sekarang mengadakan Rukun Tetangga dan RELA untuk membantu Polis, bukan sahaja bagi

mencegah jenayah bahkan juga termasuk penyeludupan dan juga termasuk kegiatan-kegiatan yang lain oleh anasir-anasir yang tidak diingini. Kita juga telah ujudkan satu yunit Tindak Khas di dalam Polis iaitu diberi tugas menentang kegiatan-kegiatan jenayah yang lebih runcing, lebih kejam dan lebih jahat. Ini satu special unit yang kita sudah adakan dan juga satu yunit keselamatan sempadan yang diselaraskan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah diujudkan khas untuk mencegah aktiviti-aktiviti jenayah dan subversif di kawasan-kawasan sempadan juga yunit keselamatan khas atau ASU (Area Security Unit) sudah juga ditubuhkan membolehkan rakyat menyertai usaha membasmi anasir jahat.

Kerjasama yang rapat telahpun diujudkan untuk mengawal keselamatan di sempadan sempadan kita dengan jiran-jiran kita iaitu Thailand dan Indonesia dan Singapura, umpamanya, untuk mengawal kegiatan haram di kawasan perairan antara Malaysia dengan jiran. Kita sudah mengujudkan satu peraturan co-ordinated patrol zone dan juga combined naval patrol dengan Singapura itu memang sudah jelas bahawa kerjasama kita dari segi keselamatan adalah sangat baik dan dengan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil, saya yakin keadaan keselamatan negara kita akan dapat terus terkawal, insya Allah.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar dengan kenyataannya bahawa keselamatan kita adalah terkawal bercanggah dengan ucapan-ucapan baharu-baharu ini oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan bahawa soal keselamatan sangat membimbangkan sehingga kita sekarang menghadapi satu perjuangan hidup atau mati. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kenapa pemimpin-pemimpin selalu memberi ucapan-ucapan yang berlainan di tempat yang tidak sama.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada timbul soal berlawanan kerana apa yang diutarakan oleh pemimpin-pemimpin negara, terutama sekali dari pihak Kerajaan kita mengatakan bahawa keadaan dalam negara kita ini adalah dari segi keselamatannya adalah terancam tetapi terkawal.

ANGGOTA-ANGGOTA RUKUN TETANGGA

18. Tuan Farn Seong Than minta Perdana Menteri menyatakan samada anggota-anggota Rukun Tetangga yang bertugas dilindungi insuran apabila terjadi satu-satunya kemalangan dalam masa menjalankan tugas mereka; jika ya, sila berikan butir-butir lanjut; jika tidak kenapa.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu rancangan Rukun Tetangga yang telah dikuatkuasakan mengikut Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 tiada memperuntukkan perlindungan insuran kepada Ahli Rukun Tetangga sekiranya terjadi apa-apa bencana dalam masa menjalankan tugasnya. Walaupun demikian, Kerajaan ada membuat peruntukan di dalam Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 di mana wang pampasan akan diberi kepada anggota Rukun Tetangga yang mendapat cedera atau kemalangan semasa menjalankan tugas-tugas Rukun Tetangga.

Tanggungan atau tanggungan-tanggungan seseorang anggota Rukun Tetangga yang mendapat cedera atau kemalangan boleh membuat tuntutan pampasan bencana itu, mengikut Peraturan-peraturan Keselamatan Dalam Negeri (Pampasan Bencana Orang Awam), 1960. Kadar bayaran yang akan diberikan oleh Kerajaan adalah setimpal dengan kecederaan atau kemalangan serta keupayaan mencari nafkah seseorang yang terlibat.

Di Wilayah Persekutuan didapati beberapa Sektor Rukun Tetangga di mana Jawatan-kuasanya telahpun menunjukkan sikap berdikari dan menggunakan daya usahanya sendiri mengambil perlindungan polisi insuran kumpulan (group insurance) yang diambil oleh sebuah Syarikat Insuran Tempatan untuk ahli-ahli sektornya sesuai dengan kemampuan anggota-anggota. Polisi insuran kumpulan memberi perlindungan 24 jam tanpa mengira samada anggota Rukun Tetangga itu sedang menjalankan tugas ataupun tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini samada anggota-anggota Rukun Tetangga berhak mendapat

bantuan atau sumbangan daripada Tabung Perwira apabila mereka mati dalam menjalankan tugas mereka.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi jawapan tadi bahawa tuntutan-tuntutan anggota-anggota Rukun Tetangga tertaklok kepada peraturan-peraturan dalam Peraturan-peraturan Rukun Tetangga, dan tidak ada yang lain lagi.

SOALAN No. 19 DITARIK BALIK

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, saya menarik balik soalan nombor 19.

(Soalan No. 19 ditarik balik)

FARDHU HAJI—BILANGAN MENDAFTAR

20. Tuan Embong bin Haji Yahya minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) Bilangan orang-orang Islam di Semenanjung Malaysia yang telah mendaftarkan diri untuk menunaikan Fardhu Haji bagi Tahun 1976 hingga sekarang;

(b) Samada kemerosotan bilangannya disebabkan oleh—

(i) Tidak cukup wang belanja mereka;

(ii) Kerumitan yang akan dialami di Tanah Suci yang sukar diatasi oleh Kerajaan Arab Saudi dan juga oleh LUTH Malaysia;

(iii) Kemerosotan Penerangan oleh LUTH.

(c) Apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan yang ke 20.

(a) Jumlah orang-orang Islam di Semenanjung Malaysia yang telah mendaftar diri untuk menunaikan Fardhu Haji bagi Musim Haji 1396 Hijrah, pada akhir bulan Mei lalu ialah seramai 3,816 orang. Dari jumlah ini, 2,420

orang telah mendaftar untuk pergi dengan kapal laut dan 1,395 orang untuk pergi dengan kapal terbang.

- (b) Dalam kajian Lembaga Urusan dan Tabung Haji beberapa faktor yang menyebabkan kemerosotan bilangan Jemaah Haji tahun ini. Di antaranya, kenaikan belanja seperti Yang Berhormat menyatakan pada soalan (b) (i), kenaikan belanja Jemaah Haji dan juga kerana Jemaah Haji Malaysia merasa kurang senang dengan peraturan Haji di Arab Saudi, kerana berasaskan pengalaman mereka iaitu Jemaah Haji tahun yang sudah. Peraturan tidak membolehkan bakal Haji membuat pilihan Syeikh-syeikh Haji mengikut kehendak mereka, bolehlah disifatkan sebagai salah satu sebab utama kurangnya bilangan Jemaah Haji itu. Dalam hal ini, saya rasa kurangnya penerangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dalam masalah ini tidaklah timbul.

- (c) Bagi mengatasi masaalah ini, Kerajaan melalui Kedutaan kita di Jeddah telah mengemukakan kepada Kerajaan Arab Saudi supaya peraturan menukarkan Syeikh-syeikh Haji ini dapat dikaji semula. Mengikut laporan terakhir, Kerajaan Arab Saudi telah memutuskan menghantar untuk wakil dari Kementerian Haji dan Wakafnya ke 16 buah Negara Islam, termasuklah Malaysia. Tujuannya, untuk mencari cara membolehkan Jemaah-jemaah Haji membuat pemilihan Syeikh-syeikh Haji sendiri, sebelum mereka berangkat menunaikan Fardhu Haji ke tanah suci. Kerajaan Malaysia memberi setinggi-tinggi penghargaan kepada sikap Kerajaan Arab Saudi yang sentiasa memberi perhatian dan berikhtiar mementingkan kebajikan Umat Islam.

RELA—MENAMBAH YUNIT

21. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan kepada keadaan keselamatan negara yang terancam pada hari ini:

- (a) adakah beliau bercadang hendak menambahkan yunit-yunit Ikatan Relawan Rakyat (RELA) di samping menambah bilangan senapang patah yang diberikan kepada setiap yunit RELA.

Nyatakan juga bilakah beliau bercadang hendak memberi senapang kepada yunit-yunit RELA yang telah lama ditubuhkan tetapi belum lagi diberi senapang patah; dan

- (b) adakah pihak Kementerian bercadang hendak melonggarkan syarat-syarat mengenai dengan pemilihan senjata bagi penduduk-penduduk sempadan yang ingin ikut serta untuk mempertahankan negara supaya mereka dapat memiliki senjata.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jawapan kepada (a), ya, dan yunit-yunit RELA akan dibekalkan dengan senjata jika mereka diperlukan memegang senjata. Kawasan-kawasan perbatasan dan kawasan-kawasan keselamatan adalah diutamakan dalam pemberian senjata ini. Untuk makluman Yang Berhormat itu maka penubuhan RELA bukanlah semata-mata untuk memiliki senjata, tetapi ahli-ahli RELA juga diperlukan melibatkan diri dalam rancangan-rancangan pembangunan ekonomi, sosial di kampung masing-masing bagi menuju matlamat akhir RELA iaitu penglibatan sepenuhnya ahli-ahli RELA ke dalam semua bidang kemajuan masyarakat agar mereka dapat berdikari dalam masaalah kehidupan sehari-hari.
- (c) Kerajaan memang menggalakkan penduduk-penduduk di kawasan perbatasan memiliki senjata sendiri dengan syarat mereka itu memasuki RELA.

JURURAWAT-JURURAWAT DI LUAR NEGERI

22. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Kesihatan menyatakan berkaitan dengan Jururawat-jururawat yang dilatih di luar negeri:

- (a) bilangan yang telah kembali ke tanah air mulai bulan Januari, 1975 hingga ke masa ini;
- (b) bilangan yang telah diambil bekerja oleh Kerajaan;
- (c) bilangan yang tiada diambil bekerja oleh Kerajaan hingga ke masa ini, dan mengapa; dan

- (d) bilangan Kerajaan bercadang hendak mengambil mereka bekerja supaya perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dapat diberikan kepada kawasan-kawasan luar bandar.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya tidak dapat memberitahu angka-angka yang tepat mengenai Jururawat-jururawat yang dilatih di luar negeri yang telah kembali ke tanah air mulai bulan Januari, 1975 hingga ke masa ini. Walau bagaimanapun mengikut rekod, 1,008 orang jururawat-jururawat yang dilatih di luar negeri telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia mulai daripada 1975 hingga ke masa ini. Tetapi ini tidaklah bermakna kesemuanya 1,008 orang itu telah balik ke sini kerana ada yang memohon mendaftar dari Seberang Laut dan mereka tidak berada di Malaysia.
- (b) Seramai 168 orang telah ditawarkan jawatan Jururawat untuk berkhidmat dengan Kementerian saya dari bulan Januari, 1975 hingga sekarang dan dari jumlah ini seramai 152 orang sahaja yang telah menerima tawaran jawatan. Mungkin ada juga sebilangan mereka yang telah diambil bekerja dengan Kementerian atau Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain ataupun Hospital-hospital Swasta.
- (c) Baru-baru ini pihak Kerajaan telah meluluskan banyak lagi jawatan-jawatan baru dan pada masa ini terdapat sebanyak 302 jawatan yang boleh diisi dengan Jururawat-jururawat yang dilatih dari luar negeri dan yang dilatih luar dari programme latihan Kementerian Kesihatan. Seramai 240 orang Jururawat-jururawat yang mendapat latihan di luar negeri masih belum dapat dilantik untuk berkhidmat dengan Kementerian ini. Ini adalah kerana semua pemohon-pemohon sekarang ini dikehendaki menjalani tapisan keselamatan dan mereka yang sesuai akan diperakukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk perlantikan apabila tapisan keselamatan ke atas mereka telah dijalankan oleh pihak yang berkenaan.
- (d) Soalan ini telah dijawab seperti di perenggan (c) di atas.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa daripada angka yang diberi oleh beliau tak sampai 10 daripada jururawat yang ditawarkan jawatan oleh Kerajaan sehingga masa ini yang menerima tawaran-tawaran itu. Jumlah yang kita dapati ialah 1,800 yang mendaftar dan telah mendapat tawaran tetapi hanya 152 sahaja yang menerima, kalau saya tak silap. Adakah Kementerian Kesihatan mengadakan satu siasatan bagi mendapatkan sebab-sebab mengapa begitu ramai dan tinggi peratus jururawat tidak mahu menerima tawaran itu, adakah di antara sebab-sebabnya ialah mereka tidak boleh dapat kepuasan kerja (job satisfaction) dalam Kementerian Kesihatan, sebab dasar-dasar atau pentadbiran Kementerian Kesihatan?

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan itu terkeluar daripada soal asal, Yang Berhormat. Saya dukacita tak boleh beri kebenaran.

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya hendak memberi penjelasan sedikit mengenai bilangan yang mendaftar di Lembaga Jururawat Malaysia yang sebenarnya ialah 1,008 orang, bukan 1,800.

BIDAN KERAJAAN DI SUNGAI BULOH—LAYANAN

23. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Kesihatan menyatakan, samada beliau sedar bahawa seorang Bidan Kerajaan yang ditempatkan di Batu 15, Kampung Jaras, Sungai Buloh selalu enggan melayani panggilan orang-orang kampung yang menghendaki perkhidmatannya. Satu contoh yang nyata ialah pada 2hb Jun, 1976 (hari kelepasan am), iaitu semasa seorang wanita muda yang hendak melahirkan anak sulungnya. Bidan itu telah didatangi oleh seorang budak lelaki lebih kurang pada pukul 6.15 pagi, menyatakan perkhidmatannya diperlukan oleh wanita yang sarat mengandung itu. Tetapi bidan yang berkenaan tiada keluar dari rumahnya, cuma anak perempuannya sahaja yang keluar dan memberitahu budak lelaki itu ibunya (bidan) tak dapat keluar kerana uzur. Samada alasan itu betul atau sebaliknya tidak dapat dipastikan dan jika ia benar-benar uzur pun mengapa ia tiada mendapatkan ganti, atau setidaknya menjengukkan mukanya kepada budak lelaki yang menunggu di luar rumahnya. Oleh yang demikian apakah tindakan Menteri akan ambil berkaitan dengan hal ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengetahui yang Bidan Kerajaan bertugas di Batu 15 Kampung Paya Jaras, Sungai Buloh sering menolak panggilan-panggilan dari penduduk-penduduk kampung. Begitu juga Jabatan Kesihatan Selangor tidak sedar atas perkara ini kerana selama ini tiada apa-apa aduan yang diterima terhadap Bidan berkenaan.

Hal yang berlaku pada 2hb Jun, 1976, yang telah dibawa ke perhatian saya oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput akan disiasat dengan sepenuhnya. Jika maklumat-maklumat yang lebih lanjut boleh didapati tentang bidan yang enggan melayani panggilan-panggilan ini, penyiasatan akan dijalankan dan tindakan diambil oleh Kementerian saya, supaya perkhidmatan perbidanan kepada penduduk-penduduk di Kampung Paya Jaras, Sungai Buloh, dapat diperbaiki.

SOALAN No. 24 DITARIK BALIK

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim.

Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya menarik balik soalan 24.

(Soalan No. 24 ditarik balik)

BANK PEMBANGUNAN ISLAM

25. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesan lawatan Presiden Bank Pembangunan Islam ke Malaysia baru-baru ini, dan adakah apa-apa rundingan dari pihak Malaysia supaya pihak Bank tersebut tolong mengambil alih peranan pelaburan yang dahulunya dilaburkan secara bunga (Riba) oleh Bank-bank tertentu, dan apakah hasil yang tegas telah dibuat oleh Bank tersebut untuk Malaysia dalam menghadapi Rancangan Malaysia Ketiga.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa tujuan lawatan Presiden Bank Pembangunan Islam ke Malaysia baru-baru ini ialah untuk menemui Gabenor Bank itu bagi Malaysia dan pegawai-pegawai Kerajaan yang ada hubungan dengan pembangunan dan juga untuk menerangkan kepada mereka peranan dan tugas Bank itu serta dasar-dasar dan

peraturan amnya. Dalam perbincangan-perbincangan yang diadakan, beliau telah memberitahu bahawa Bank Pembangunan Islam akan memulakan kegiatan pelaburan dan pinjaman di negara-negara ahli dalam bahagian kedua tahun ini. Pada peringkat permulaannya Bank itu akan membiayai projek-projek secara kongsi (co-financing) dengan badan-badan kewangan antarabangsa yang lain seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia dan juga badan-badan kewangan tempatan. Pembiayaannya akan dibuat melalui empat cara seperti berikut:

- (i) Menyertai modal dalam projek-projek pertanian dan perindustrian. Jumlahnya tidak melebihi 1/3 daripada kos projek itu;
- (ii) Membiayai projek secara berkongsi keuntungan (profit sharing);
- (iii) Memberi pinjaman tanpa bunga bagi projek-projek infrastruktur projek; dan
- (iv) Memberi bantuan teknik dan geran.

Presiden Bank itu juga telah diberi taklimat mengenai kedudukan ekonomi Malaysia dan keperluan kewangan Malaysia dalam rancangan pembangunan yang baru ini. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, Bank Pembangunan Islam bersedia membantu Malaysia dengan membiayai projek-projek bersama dengan badan-badan kewangan yang lain. Untuk tujuan ini, Bahagian Perancang Ekonomi dan Perbendaharaan sekarang sedang menyiapkan satu senarai projek-projek yang sesuai untuk dikemukakan kepada Bank itu tidak lama lagi.

ARAB SAUDI—TAWARAN KEPADA PETRONAS

26. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh PETRONAS untuk menyahut tawaran Arab Saudi bagi melatih pegawai-pegawai dan kakitangan kita dalam perusahaan petroliaam, dan nyatakan berapa ramai pegawai-pegawai yang dikirim bagi menyahut tawaran itu.

Perdana Menteri: Tuan yang di-Pertua, PETRONAS telahpun menghantar nama tiga orang calon untuk memasuki universiti Riyadh bagi mengikuti kursus kejuruteraan petroliaam. Bagi latihan teknikal pula PETRONAS akan menemui satu rombongan pegawai-pegawai Kerajaan Arab

Saudi yang akan mengunjungi Malaysia tidak berapa lama lagi. Dalam pertemuan itu butir-butir lanjut sekim latihan itu akan dibincangkan.

RUKUN TETANGGA—AHLI-AHLI JAWATANKUASA

27. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa adanya Ahli-ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga yang telah mengadakan pembicaraan mengikut cara Mahkamah Rakyat (Peoples' Court) ke atas orang-orang yang dituduh engkar menjalankan tugas menurut peraturan Rukun Tetangga; contohnya sebagaimana yang berlaku di kawasan Pudu, Jalan Brunei pada 9-6-76 di mana Ketua Polis Daerah Cheras dan Campbell dan juga Urusetia Rukun Tetangga turut hadir, jika sedar apakah tindakan yang diambil supaya perbicaraan Peoples' Court ini dapat dicegah.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu apa yang dikatakan pembicaraan mengikut cara-cara Mahkamah Rakyat (Peoples' Court) seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya ialah suatu mesyuarat Jawatankuasa yang biasa diadakan mematuhi Peraturan-peraturan Perlu Rukun Tetangga 1975, di mana sesuatu Jawatankuasa Rukun Tetangga diberi kuasa untuk mengadakan sesuatu penyiasatan yang perlu diambil olehnya bagi maksud menjalankan tugas-tugas dan kewajipan-kewajibannya. Pada 9hb Jun, 1976 suatu mesyuarat Jawatankuasa Rukun Tetangga telah diadakan di Sektor Pudu bertujuan antara lainnya untuk mengadakan penyiasatan ke atas mereka yang tidak hadir menjalankan tugas-tugas Rukun Tetangga dan yang engkar mematuhi arahan-arahan atau hukuman-hukuman sesuai dengan Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975.

Kehadiran Pegawai-pegawai Polis dan Pegawai Urusetia Rukun Tetangga adalah semata-mata untuk memberi nasihat supaya Jawatankuasa tidak menyalahgunakan kuasa dan tidak pula membuat sesuatu yang keluar daripada Peruntukan Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975.

PERDANA MENTERI—LAWATAN KE ARAB SAUDI

28. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan hasil yang telah dicapai oleh Malaysia selepas lawatan beliau ke Negara Arab Saudi baru-baru ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat ini adalah terlalu awal untuk menyatakan secara tegas hasil-hasil yang telah dicapai oleh Malaysia berikutan lawatan saya ke Arab Saudi baru-baru ini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum hasil yang dicapai dari mana-mana lawatan akan mengambil tempoh yang lama juga. Walaupun demikian, saya ingin menyatakan ada beberapa petanda baik telah jelas. Pertama, saya telah menghubungkan semula atau menjalin akan persahabatan Malaysia dengan Arab Saudi berikutan dengan berpuangnya Allahyarham Al-Malik Faizal dan Allahyarham Tun Abdul Razak.

Keduanya, dalam perbincangan yang telah diadakan semasa saya di Riyadh dengan pemimpin-pemimpin Arab Saudi khususnya Duli Yang Maha Mulia Al-Malik Khalid dan Yang Mulia Putra Fahd serta pemimpin-pemimpin lain, mereka dapat lebih memahami akan masalah dan keperluan kita.

Ketiganya, semasa lawatan saya itu, satu perjanjian iaitu perjanjian kerjasama kebudayaan dan saintifik telah ditanda-tangani antara Kerajaan Arab Saudi dengan Malaysia. Dari kesimpulan perbincangan dan juga perjanjian yang dimetrikkan itu telah menunjukkan kesediaan Kerajaan dan pemimpin Arab Saudi menimbangkan permohonan bantuan untuk rancangan pembangunan Malaysia di masa yang akan datang.

Satu memorandum yang mengandungi keterangan lengkap projek pembangunan termasuk program pertukaran latihan pegawai dan penuntut telah dikemukakan kepada Kerajaan Arab Saudi bagi pertimbangannya.

PERSIDANGAN PENEMPATAN MANUSIA DI VANCOUVER

29. Tuan Haji Jaafar bin Hamzah minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan:

(a) kemajuan yang dicapai setakat ini berikutan dengan perbincangan atas

masaalah untuk mengatasi dan menyelesaikan penempatan manusia yang diadakan di Vancouver baru-baru ini; dan

- (b) adakah hasil dari perbincangan itu dapat dipraktikkan di Malaysia.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Persidangan Penempatan Manusia yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Vancouver hanya berakhir pada 11-6-76 yang lalu. Setakat ini laporan rasmi Persidangan tersebut belum diterima daripada UN-Habitat Secretariat dan kita sedang menunggu laporan rasmi itu. Namun demikian, satu laporan sedang disediakan oleh perwakilan Malaysia ke Persidangan tersebut untuk pertimbangan Jumaah Menteri, berasaskan maklumat-maklumat yang diterima semasa Persidangan itu. Ada di antara maklumat-maklumat itu telah dipinda oleh Persidangan di saat akhir dan butir-butir pindaan itu memerlukan pengesahan oleh pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

- (b) Hasil daripada Persidangan tersebut adalah banyak dan implikasinya adalah luas (far reaching) jika usul-usul yang telah diterima oleh Persidangan itu dipraktikkan oleh semua Negara yang terlibat. Hampir kesemua usul-usul itu boleh dipraktikkan oleh Negara kita, malahan ada di antaranya yang telahpun kita praktikkan. Umpamanya, sebahagian besar daripada perisytiharan yang digelar "Vancouver Declaration of Principles on Human Settlements" itu mengaitkan objektif meningkatkan taraf hidup manusia bermula daripada kecapaian peluang-peluang asas makanan, tempat tinggal, pekerjaan, kesihatan, kebebasan, maruah hidup dan keperluan-keperluan peribadi tanpa halangan-halangan diskriminasi, seperti perkauman, warna kulit, jantina, bahasa, ugama, buah fikiran, asal usul diri manusia dan sebagainya. Dan juga bagi mencapai objektif-objektif tersebut, usul itu menekankan keperluan penduduk-penduduk dari golongan yang kurang

bernasib baik. Kandungan usul-usul itu adalah selaras dengan prinsip-prinsip di dalam Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru kita.

Persidangan tersebut telah juga menerima usul-usul mengenai garis-garis panduan untuk tindakan di peringkat nasional bagi mencapai objektif-objektif yang saya sebutkan tadi, terutama yang berkaitan tepat dengan perkampungan manusia. Dalam hal ini, ada di antaranya yang telah kita praktikkan dalam usaha-usaha pembangunan semenjak rancangan-rancangan pembangunan luar bandar dahulu dan yang kita amalkan sekarang seperti pembangunan wilayah, rancangan-rancangan FELDA, pertubuhan-pertubuhan peladang, rancangan-rancangan tanah belia dan beliawanis, perumahan kos-rendah, kampung-kampung tersusun dan sebagainya. Garis-garis panduan yang belum dilaksanakan di negara kita itu tidaklah banyak dan saya berpendapat kesemuanya itu mengandungi unsur-unsur yang positif dan boleh dipraktikkan di negara ini samada secara menyeluruh atau dipinda menurut keadaan.

PESAKIT ISLAM DI HOSPITAL-HOSPITAL

30. Tuan Hashim bin Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa tidak ada pemimpin-pemimpin ugama Islam dan pegawai-pegawai Jabatan Ugama di negara ini menziarahi pesakit-pesakit berugama Islam di hospital-hospital sebagaimana yang telah dibuat oleh lain-lain pemimpin ugama. Jika ya, nyatakan:

- (a) samada beliau bercadang untuk menggalakkan mereka berbuat demikian;
- (b) samada beliau bercadang untuk mengambil pegawai-pegawai Islam untuk menjaga hal ehwal pesakit-pesakit berugama Islam di hospital-hospital; dan
- (c) jika tidak, mengapa.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, perkara ugama adalah satu perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan berkenaan dengan bagaimana seseorang pegawai ugama menjalankan tugasnya adalah juga merupakan satu

perkara bagi Kerajaan Negeri masing-masing untuk menentukannya. Bagi Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Ugama telahpun menyusun program-program untuk pegawai-pegawainya membuat lawatan ke hospital-hospital.

Tidaklah benar untuk menyatakan bahawa tidak ada pemimpin-pemimpin ugama Islam dan pegawai-pegawai Jabatan Ugama menziarahi pesakit-pesakit beragama Islam di hospital-hospital sebagaimana pemimpin-pemimpin ugama lain. Apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin lawatan yang tersusun.

Selain daripada itu, saya suka juga menegaskan bahawa soal menziarahi pesakit-pesakit beragama Islam di hospital-hospital adalah merupakan tanggungjawab bagi semua orang Islam, lebih-lebih lagi pemimpin-pemimpin masyarakat Islam seperti Ahli-ahli Yang Berhormat, badan-badan dakwah dan badan-badan sukarela Islam dan badan-badan politik, termasuklah Pergerakan Wanita UMNO, Badan-badan Kebajikan Perempuan Islam, PERKIM dan lain-lain lagi.

Lawatan ini lazimnya dibuat pada masa Hari Raya ataupun bulan-bulan Perayaan Islam seperti menyambut Maulud Nabi. Adalah diyakini apakala pegawai-pegawai ugama di semua jabatan-jabatan ugama di negeri-negeri dan badan-badan dakwah telah dapat bekerja rapat dengan melancarkan Bulan Dakwah yang akan datang ini sudah barang tentu secara lawatan untuk menziarahi pesakit-pesakit di hospital dapat diatur dengan lebih rapi lagi.

THE MALAY DILEMMA

31. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau akan menimbang membatalkan pengharaman ke atas buku "The Malay Dilemma" yang pengarangnya Dr Mahathir Mohamed kini menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia; jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada permohonan daripada pengarangnya untuk mengkaji semula, Kementerian akan menimbang perkara ini, tetapi pada masa ini belum ada mendapat apa-apa permohonan (*Ketawa*).

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan, Adakah Yang Berhormat Menteri sedar pengarangnya, Dr Mahathir sendiri ada berkata bahawa buku beliau "The Malay Dilemma" majoritinya telah dilancarkan oleh Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada sangkut-paut dengan soalan asal. Soalan asalnya Yang Berhormat bertanya: Adakah Kerajaan akan lift the ban atau batalkan pengharaman buku ini. Jawapannya sudah cukup terang, tidak boleh bawa perkara lain.

Dr Chen Man Hin: Adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar apabila buku itu sudah dikeluarkan, Kerajaan telah memberitahu yang buku itu dibanned, bukan pengarang sendiri minta kebenaran, tetapi Kerajaan sendiri sudah ban buku itu. Dengan sebab itu, saya ingat pengarang itu tidak mahu buat permohonan untuk lift the ban itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak bersangkut dengan soalan asal.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai pembatalan pengharaman buku ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan samada keadaan telah berubah dimana apabila buku ini diharamkan, buku yang disebutkan ini, mengancam keselamatan negara. Adakah keadaan telah berlaku dimana buku ini tidak lagi mengancam keselamatan negara oleh kerana barangkali keadaan keselamatan telah terkawal?

Tuan Yang di-Pertua: Itupun tidak bersangkutan dengan soalan asal. Tempoh Soal-Jawab telah cukup.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PER- LEMBAGAAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PER- UBATAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Perubatan, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KOLEJ PERUBATAN (LEPASAN IJAZAH)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan bagi penubuhan Kolej-kolej untuk pelajaran perubatan lepasan-ijazah; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG PEM- BANTU-PEMBANTU HOSPITAL (PENDAFTARAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan suatu Lembaga Pembantu-pembantu Hospital (Pendaftaran), pendaftaran pembantu-pembantu hospital dan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG PERGIGIAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Pergigian, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1974 DAN 1976)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1974 dan 1976 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG DISATUKAN (PERBELANJAAN MASUK AKAUN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun perkhidmatan yang berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember, 1977; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (PERBADANAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan), 1973; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL UNTUK MENGEMU- KAKAN RANG UNDANG- UNDANG DARIPADA AHLI BUKAN KERAJAAN

RANG UNDANG-UNDANG (PEMBUANGAN YANG TIDAK ADIL) PEKERJAAN, 1976

3.43 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan-peraturan Mesyuarat 49 untuk mencadang satu usul yang ditujukan untuk memperoleh kebenaran dari Dewan bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang Private yang dinamakan Rang Undang-undang (Pembuangan Tak Adil) Pekerjaan, 1976.

Tujuan Rang Undang-undang yang diadakan ini adalah untuk memberikan jaminan keselamatan dalam kerjanya kepada semua pekerja, dengan dikurniakan kepada mereka hak-hak tidak dibuangkan kerja dengan tidak adilnya, dan hak-hak diterima-balik bekerja semula (compensation) bagi pembuangan kerja yang tidak adil ini.

Pada peringkat sekarang, seseorang pekerja tidak mempunyai apa-apa keselamatan pada kerjanya, kerana perkhidmatannya bolehlah diberhentikan secara wajarnya jika majikan mematuhi Seksyen 12 (3) Ordinan Pekerjaan, 1955, dengan mengikut notis minimum yang dikehendaki sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen ini.

Seksyen 12 Ordinan Pekerjaan 1955 ini adalah berbunyi seperti berikut. Dengan izin, saya petik daripada Ordinan Pekerjaan, 1955:

- "12. (1) Either party to a contract of service may at any time give to the other party notice of his intention to terminate such contract of service.
- (2) The length of such notice shall be the same for both employer and labourer and shall be determined by any provision made for such notice in the terms of the contract of service, or, in the absence of such provision, shall be in accordance with the provisions of sub-section (3).
- (3) The notice to terminate the services of a person who is employed under a contract of service shall be not less than—
- (a) one week's notice if he has been so employed for less than two years;
- (b) two weeks' notice if he has been so employed for two years or more but less than five years; and
- (c) four weeks' notice if he has been so employed for five years or more."

Seksyen 13 (1) Ordinan Pekerjaan ini berbunyi berikut:

"Either party to a contract of service may terminate such contract of service without notice or if notice has already been given in accordance with Section 12, without waiting for the expiry of that notice, by payment to the other party a sum equal to the amount of wages which would have accrued to the labourer during the term of such notice."

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, seseorang majikan boleh memberhentikan perkhidmatan pekerjaanya yang, dikatakan umpamanya, sudah bekerja dengannya 15 hingga 20 tahun, hanya diberikan notis 4 minggu sebagaimana yang dikehendaki oleh Seksyen 12 Ordinan Pekerjaan.

Ini nampaknya adalah sangat-sangat tidak adil di mana pekerja itu diberhentikan perkhidmatannya bukan kerana inkompeten atau misconduct. Oleh kerana consequent di antara seseorang pekerja diberhentikan oleh seseorang majikan di mana seseorang pekerja berhenti perkhidmatan tidak boleh diperbandingkan.

Penghidupan Pekerja

Sebenarnya, penghidupan manusia adalah sangat bergantung dengan pekerjaannya, dan pendapatan serta prospek masa depannya adalah bersangkut paut dengan penerusan kerjanya. Kepada sebahagian besarnya pekerja bukan sahaja pembuangan kerja adalah merupakan suatu kecelakaan terhadap mereka, tapi juga pemberhentian perkhidmatan adalah sama nasibnya. Mungkin ini akan terlibat pembinaan rumah dan keruntuhan keluarganya. Pekerja-pekerja yang berumur lanjut akan mengalami lebih banyak kesusahan untuk mencari sesuatu kerja yang lain.

Kita di Malaysia seharusnya mesti memahami apakah kerumitan yang sebenarnya bagi seseorang pekerja ketika kerjanya terlibat. Ini adalah seperti seorang majikan berkepentingan dalam perancangan produksi dan diperlindungi daripada apa-apa gangguan (interruption), sama juga pekerja ada mempunyai kepentingan (right) dalam merancang kehidupan keluarganya dan diperlindungi daripada apa-apa gangguan kerana kehilangan kerjanya.

Keperluan untuk mengadakan perlindungan secara undang-undang kepada pekerja-pekerja bagi menjamin keselamatan kerjanya adalah sangat-sangat dihausi, terutamanya dalam sektor di mana pekerja-pekerja yang tidak diorganisasikan. Kami akan menyedari betapa serious masalah ini ketika kami dapat tahu bahawa hanya 10% dari tenaga buruh di Malaysia dilindungi oleh kesatuan sekerjanya.

Pekerja-pekerja yang terdiri daripada ahli-ahli kesatuan sekerja yang kuat bolehlah mempergunakan kekuasaan perusahaannya

(industrial power) mereka untuk memper-
lindungi mereka daripada dibuang kerja
yang tidak adil, termasuk pemberhentian
perkhidmatan melalui notis oleh majikannya
(proper termination of service). Tapi,
majoriti pekerja yang tidak menjadi ahli ke-
satuan sekerja adalah tidak boleh menikmati
perlindungan ini.

Konsep baru yang terkandung dalam
"Rang Undang-undang Pembuangan Yang
Tak Adil) Pekerjaan" adalah ditujukan
untuk memberi perlindungan kepada pe-
kerja-pekerja, baikpun mereka mempunyai
kesatuan sekerja atau tidak daripada ke-
hilangan kerjanya kecuali dengan alasan
incompetence atau misconduct.

Pemberian notis untuk memberhentikan
perkhidmatan bukan dengan alasan in-
competence atau misconduct atau proper
termination of notice di bawah Rang
Undang-undang yang dicadangkan ini akan
dianggap sebagai "pembuangan kerja yang
tidak adil".

Kecacatan yang terbesar dalam Undang-
undang Buruh ini ialah ketiadaan hak-hak
yang jelas tentang pekerja-pekerja tidak
boleh dibuang kerja secara tidak adil,
atau diberhentikan perkhidmatan tidak adil
yang memberi semua pekerja hak kestabilan
pekerjaan (stability of employment).

Sekarang, seseorang pekerja yang bukan
seorang ahli kesatuan sekerja dan memikir
ia telahpun dibuang kerja mengikut
Industrial Relations Act, dismissal without
just cause or excuse ia boleh mengemukakan
kesnya di bawah Seksyen 17 (A) Akta Per-
hubungan Perusahaan.

Tetapi, ini adalah merupakan satu proses
yang paling tidak memuaskan dan di antara
perkara-perkara yang tidak memuaskan
ialah Menteri diberikan satu kuasa yang
mutlak, jika ia fikir sesuai, ia boleh rujukkan
kes itu ke Mahkamah Perusahaan atau
menolaknya, tanpa memberikan apa-apa
alasan.

Dalam menolak alasan-alasan diberikan,
Menteri telah gagal untuk menguruskan kes-
kes yang dirujuk kepadanya di bawah
Seksyen 17 (A) dengan secara adil dan
neutral, kerana tidak dapat jalan-jalan lain
untuk membolehkan seorang pekerja menge-
tahui sebab-sebab Yang Berhormat Menteri
menolak satu representation untuk kes ini
dirujukkan kepada Mahkamah Perusahaan.

Dan lagi tidak ada sebab-sebab diberikan
asas kepercayaan orang ramai dan pene-
rimaan pun kurang kerana cara perbicaraan
yang dijalankan oleh Yang Berhormat ini
adalah rahsia sama sekali.

Saya sudah mengalami banyak kes-kes
yang dirujukkan kepada Yang Berhormat
Menteri Buruh di bawah Seksyen 17 (A) dan
dahulunya di bawah Seksyen 16 (A) di mana
Yang Berhormat telahpun menolak tanpa
apa-apa sebab.

Rang Undang-undang (Pembuangan Yang
Tak Adil) Pekerjaan yang dicadangkan ini
akan dengan jelasnya menerangkan hak-hak
seseorang pekerja supaya ia tidak akan
dibuangkan kerja dengan tidak adil ter-
masuk unfair termination of service. Dan
dalam mana-mana satu kes pembuangan
kerja yang bukan berasaskan incompetence
atau misconduct, pekerja ini berhak menge-
emukakan kesnya kepada Mahkamah Per-
usahaan, tanpa apa-apa campurtangan dari-
pada Ketua Pengarah Buruh (Director-
General) atau Yang Berhormat Menteri yang
berkenaan.

Tanggungjawab untuk menunjukkan
alasan-alasan bahawa pembuangan kerja
atau termination perkhidmatan adalah bukan
unfair dismissal adalah terletak pada maji-
kan. Jika sekiranya majikan gagal untuk
melaksanakan tanggungjawab ini, displace
the onus of proof, maka Mahkamah Per-
usahaan ini bolehlah memutuskan atau
mengarahkan diterima balik, reinstate atau
dibayar compensation.

Saya bercadang untuk mengadakan per-
untukan-peruntukan yang berasingan bagi
pembuangan kerja atau pemberhentian per-
khidmatan disebabkan redundancy, kerana
pada peringkat sekarang perkhidmatan
pekerja-pekerja yang diberhentikan kerana
redundancy ini atau oleh kerana re-organisa-
tion tidak ada apa-apa remedi yang tepat
selain daripada peruntukan-peruntukan di
bawah Seksyen 12 (3) Ordinan Pekerjaan.
Sungguhpun sekarang di bawah Ordinan-
ordinan Pekerjaan tidak ada Seksyen 60 G
tetapi tidak dapat daripada Rang Undang-
undang (Pindaan) yang ada dikemukakan di
Dewan ini bahawa pihak Kerajaan akan
batalkan peruntukan atau seksyen-seksyen
ini. Sebab itu ada satu peruntukan khas
untuk pembayaran redundancy sangat mus-
tahak dan untuk memperindungi hak-hak
kaum pekerja.

Seseorang yang berkhidmat lama hendaklah diperakui haknya pada pekerjaannya dan berhak untuk mendapat keuntungan yang senilai dengan tempoh perkhidmatannya. (*Dengan izin*) "A worker of long-standing must be recognised to have an accrued right in his job and his right gains in value with the years." Jika sekiranya pekerjaannya diberhentikan ia adalah layak untuk mendapat compensation dari kehilangan kerjanya seperti seorang pengarah atau director mendapat compensation apabila dia hilang jawatannya.

Saya juga ingin menetapkan asas bagi perkiraan compensation terhadap pembuangan kerja yang tidak adil, kerana perkiraan compensation di bawah common law bagi wrongful dismissal dan oleh Industrial Court mengenai dismissal without just cause or excuse tidak sesuai.

Di bawah common law ini, compensation for wrongful dismissal adalah sangat-sangat dihadkan. Ini bererti bahawa jika seseorang pekerja dibuang kerjanya tanpa diberikan notis, ia boleh menuntut bayaran gaji yang boleh diperolehinya bagi tempoh notis ini sahaja. Dari bayaran ini akan dipotong sebarang jumlah yang ia akan perolehi (atau melalui kesalahannya sendiri dan gagal untuk memperolehinya) dalam tempoh notis. Selain daripada itu, pekerja ini tidak boleh menuntut apa-apa compensation baik dalam apa bentuk kesusahan yang ia hadapi dari pembuangan kerjanya atau wrongful dismissal ini.

Mengenai perkara dismissal without cause or excuse mengikut Industrial Relations Act, compensation hanya dihadkan untuk maksima dari gaji sepenuhnya hingga tarikh keputusan dibuat oleh Mahkamah, tetapi sebahagian besarnya kes-kes ini, perkara ini adalah sangat-sangat kurang didapati oleh kerana Mahkamah mempunyai discretion mengenai pembayaran compensation.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya mencadangkan bahawa satu keputusan compensation bagi pembuangan kerja yang tidak adil ini hendaklah terdiri daripada tiga unsur (basic award) atau keputusan asas compensatory award atau keputusan compensatory dan punitive award atau keputusan hukuman.

Keputusan asas ini hendaklah dikira dengan berasaskan tempoh pekerja ini terus-menerus berkhidmat, dengan lain-lain perkataan, lebih lamanya ia bekerja, lebih tinggilah keputusan asasnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat hanya mencadangkan satu usul di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 49 (1) maka Yang Berhormat bolehlah kemukakan perkara besar sahaja. Ini seolah-olah Yang Berhormat sekarang membahaskan Rang Undang-undang itu. Saya belum kemukakan lagi. Jadi, tolong cakapkan perkara yang besar-besar sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berucap mengenai ciri-ciri (features) Rang Undang-undang yang saya hendak kemukakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi ciri-ciri yang besar-besar sahaja, sebab ini hendak ditanya pada Majlis ini samada hendak diterima atau tidak, kalau disetujui jadi undang-undang baharu boleh dibincangkan panjang-panjang.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak berucap mengenai ciri-ciri yang besar sahaja bukan ciri-ciri kecil.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi saya telah berkata bahawa compensation ada tiga segi oleh kerana compensation sekarang adalah sangat tidak memuaskan.

Akhirnya, kesemua peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas ini adalah akan memberikan perlindungan kepada pekerja daripada dibuang kerja atau diberhentikan perkhidmatan yang tidak adil, dan juga akan selaras dengan Rekomendasi 119 ILO pada tahun 1963 mengenai "Termination of Employment at the initiative of the Employer" selain daripada misconduct atau incompetence dan butir-butir tadi saya telah kemukakan boleh ditegur atau dicadangkan, tetapi saya fikir bahawa disebabkan tujuan utama Rang Undang-undang ini yang saya minta Dewan ini memberi kebenaran untuk kemukakan ialah untuk mengadakan perlindungan secara Undang-undang kepada pekerja, kepada kestabilan pekerjaan, maka

saya tidak dapat melihat bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai sebab untuk menolak prinsip ini dengan mengeneppikan cadangan-cadangan ini.

Oleh yang demikian saya meminta sokongan dari Dewan ini untuk membenarkan saya mencadangkan Rang Undang-undang (Pembuangan Kerja Tak Adil) Pekerjaan, 1976 ini yang ditujukan untuk memberikan hak kepada pekerja supaya mereka tidak akan dibuangkan kerja dengan tidak adil, baik atas alasan bangsa, warna kulit, kedudukan perkahwinan, keugamaan, pandangan politik atau tuduhan yang mengenai pelanggaran undang-undang dan ciri-ciri khasnya adalah yang ada disebutkan tadi iaitu:

- (1) Taksiran mengenai apa erti pembuangan kerja adil dan tidak adil; dan
- (2) Peruntukan untuk keputusan dibuat oleh mahkamah membolehkan reinstatement (compensation) untuk dihukum dimana ada berlaku pembuangan kerja yang tidak adil.

Terima kasih.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.02 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berucap mengenai usul Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka untuk membawa satu Rang Undang-undang Per-sendirian yang bertajuk Akta (Pembuangan Tidak Adil) Pekerjaan, 1976.

Setelah meneliti Rang Undang-undang ini dan juga alasan-alasan Ahli Yang Berhormat itu, saya berpendapat bahawa usul itu tiada memberi apa-apa faedah kepada Undang-undang Buruh yang ada sekarang ini, dan amalan-amalan yang berjalan di sektor perindustrian, yang berdasarkan kepada perjanjian bersama, undang-undang dan amalan-amalan ini adalah cukup untuk memenuhi perkara-perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Perlindungan bagi seseorang pekerja dari pembuangan kerja yang tidak adil dan tanpa alasan-alasan yang konkrit, serta mengakibatkan kesusahan ekonomi dan sosial, adalah merupakan perkara yang dipandang berat oleh Kerajaan sejak 15 tahun yang

lalu. Perlindungan-perlindungan seperti ini telahpun diwujudkan melalui berbagai-bagai undang-undang Negara, melalui peruntukan-peruntukan yang luas di dalam perjanjian bersama, melalui peraturan-peraturan kerja di tempat-tempat pekerjaan, melalui keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan yang juga berpandukan kepada prinsip-prinsip dan amalan-amalan dan akhir sekali melalui Tatacara untuk Kehormonian Perusahaan yang telah diper-setujui di antara Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Majlis Pertubuhan Majikan-majikan Tanah Melayu pada bulan Februari tahun lalu.

Sesungguhnya di dalam peruntukan perlindungan-perlindungan terhadap keselamatan pekerjaan, satu usaha juga adalah dibuat untuk mempertimbangkan beberapa kepentingan-kepentingan yang terlibat seperti keselamatan pekerjaan seseorang pekerja itu kerana kehilangan pekerjaan mungkin merupakan kehilangan mata pencarian keluarganya; serta kuasa pihak-pihak majikan untuk menentukan kelicinan pergerakan di dalam perusahaannya; dan juga kepentingan masyarakat seluruhnya bagi mengujjudkan perhubungan perusahaan yang aman serta mengelakkan kepincangan akibat daripada pengangguran atau yunit ekonomi yang tidak produktif.

Peruntukan-peruntukan di dalam Ordinan Pekerjaan, 1955, selain daripada memberi perlindungan kepada pekerja terhadap gaji dan syarat-syarat minima perkhidmatannya adalah juga memberi perlindungan kepadanya dengan cara tidak membenarkan majikan-majikan menggunakan keahlian serta aktiviti-aktiviti seseorang pekerja itu di dalam Kesatuan Sekerja, sebagai satu alasan untuk membuangnya. Peruntukan Undang-undang ini juga, menegaskan bahawa hanya setelah penyiasatan dijalankan, baharulah sesuatu Majikan itu boleh memberhentikan perkhidmatan seseorang pekerja itu atas alasan kelakuan yang curang, yang berlawanan dengan syarat-syarat perkhidmatannya. Penyiasatan terhadap pembuangan kerja yang tidak adil juga adalah diperuntukkan di dalam Ordinan Pekerjaan melalui peraturan-penyiasatan (enquiry-procedure) yang lebih dikenali dengan nama Mahkamah Buruh, yang memberi kuasa kepada pegawai penyiasat untuk memerintah bayaran ganti-rugi kerana pembuangan kerja

yang tidak adil. Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 memberi kuasa yang lebih luas bagi menentukan bahawa keselamatan pekerjaan tidak terjejas melalui unsur-unsur "victimisation" yang secara amnya berkaitan dengan hak seseorang pekerja untuk aktif di dalam pergerakan Kesatuan Sekerja.

Lain-lain peruntukan di dalam Akta Perhubungan Perusahaan menyediakan peraturan-peraturan bagi pekerja-pekerja yang ingin mendapat perlindungan daripada di buang kerja tanpa alasan-alasan yang menasabah. Peraturan ini membolehkan seseorang pekerja yang menjadi ahli Kesatuan Sekerja untuk mengemukakan kesnya melalui kesatuannya kepada Mahkamah Perusahaan untuk satu keputusan, sekiranya pertikaian itu tidak dapat diselesaikan secara runding damai. Jika seseorang pekerja itu tidak menjadi ahli Kesatuan Sekerja, beliau boleh mengemukakan kesnya kepada Kementerian saya, dan jika difikirkan menasabah, saya akan merujuk pertikaian tersebut kepada Mahkamah Perusahaan untuk satu keputusan.

Peruntukan ini telah berkuatkuasa pada 1-8-1975 dan semenjak itu Kementerian saya telah menguruskan 696 kes (dari jumlah ini 50 kes berkeputusan dengan penggajian semula, 476 berkeputusan dengan bayaran "ex-gratia", 22 kes dirujuk ke Mahkamah Perusahaan) Peraturan yang baru ini telah diperkenalkan selepas perundingan-perundingan diadakan di dalam Majlis Penasihat Buruh Bersama Kebangsaan (NJLAC) yang sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, adalah suatu Majlis tiga pihak yang tertinggi, mengandungi wakil-wakil Kerajaan, pekerja-pekerja dan Majikan-majikan bagi menasihatkan saya mengenai perkara-perkara buruh.

Mahkamah Perusahaan mempunyai kuasa yang cukup, jika didapati pembuangan kerja itu tidak adil, untuk memerintahkan supaya seseorang pekerja itu jika tidak diambil semula, dibayar ganti-rugi di samping diberi bayaran gaji yang ia berhak menerimanya.

Semakin banyak perjanjian-perjanjian bersama (collective agreement), mengandungi peraturan-peraturan yang luas bagi menyelesaikan pertikaian-pertikaian yang bercorak individu seperti pembuangan kerja. Peraturan-peraturan kerja di tempat-tempat pekerjaan juga mengandungi berbagai-bagai

peruntukan mengenai pembuangan kerja atas alasan tatatertib dan kadang kala mengenai pengenejian kerja.

Oleh kerana undang-undang sahaja tidak akan dapat menyelesaikan segala pertikaian-pertikaian, Tatacara untuk Keharmonian Perusahaan menekankan bahawa, jika tindakan pengenejian kerja perlu dijalankan, langkah-langkah yang sesuai hendaklah diambil oleh semua pihak yang terlibat untuk mengelakkan pengenejian kerja itu dari berlaku ataupun supaya pengenejian kerja itu dijalankan pada peringkat yang paling minima, dengan tidak melibatkan kelicinan perusahaan tersebut.

Perundingan-perundingan hendaklah diadakan mengenai semua espek-espek dan persoalan yang timbul apabila pengurangan kerja dicadangkan. Pemilihan pekerja-pekerja yang terlibat hendaklah dibuat mengikut kriteria yang tertentu. Pekerja-pekerja yang mana perkhidmatannya dihentikan akibat daripada pengenejian kerja ini hendaklah diberi keutamaan untuk digaji semula. Dengan alasan-alasan yang saya nyatakan ini, dan memandangkan bahawa undang-undang buruh adalah sentiasa dikaji semula, dengan segala "shortcomings" di dalam peruntukannya adalah diberi pertimbangan yang sewajarnya, saya adalah berpuas hati bahawa segala langkah untuk penggajian semula pekerja-pekerja yang di buang atas alasan yang tidak adil adalah diperuntukkan dengan cukupnya di dalam Undang-undang Buruh yang berkuasa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tidak akan memberi apa-apa kesan kepada kepentingan pekerja-pekerja dan dengan yang demikian usul tersebut patutlah ditolak.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya menggulungnya sedikit?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sangat terperanjat dan sangat kesal apabila saya mendengar pendirian Yang Berhormat Menteri Buruh oleh kerana beliau sungguhpun memegang jawatan tertinggi dalam Kementerian Buruh, tidak

menangkap dan menjawab mengenai alasan yang utama kenapa saya kemukakan usul ini. Beliau ada memberi banyak keterangan, tetapi apa yang mustahak beliau ketepikan. Apa yang saya sebut tadi bukan sahaja ada dalam ucapan saya, tetapi saya pun ada menulis sepucuk surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kepada semua Ahli-ahli termasuk Yang Berhormat Menteri Buruh untuk membolehkan mereka mengadakan masa untuk mengkaji dan faham sebab-sebab saya kemukakan usul ini. Oleh sebab itu, di bawah Employment Ordinance, 1955 Section 12, seorang pekerja mengikut seksyen ini dan saya sebutkan lagi:

Section 12 (1):

“Either party to a contract of service may at any time give to the other party notice of its intention to terminate such contract of service” and sub-section 3 provides the minimum period of notice of service whereby either party can terminate in the case of a person, one week’s notice if he has been so employed for less than 2 years, two weeks notice if he has been so employed for 2 years or more but less than 5 years, four weeks notice if he has been so employed for 5 years or more.

Seorang pekerja yang ada bekerja 10-20 tahun di bawah Employment Ordinance . . .

Datuk Lee San Choon: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Penjelasan Ahli Yang Berhormat.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya sengaja tidak hendak menjawab atas perkara itu, oleh kerana Kementerian saya telah memberi notis untuk meminda Employment Ordinance ini. Dalam cadangan-cadangannya ada satu provision untuk memberi kuasa kepada Menteri, yang mana boleh buat undang-undang memberi pekerja-pekerja yang dibuang (retrench) kerja dengan tidak begitu adil supaya Menteri ada kuasa menetapkan bayaran sagu hati dan retrenchment benefits. Saya sengaja tidak menjawab soalan itu, sebabnya ialah itu memang cadangan kita.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Nampaknya Yang Berhormat Menteri Buruh tidak menangkap lagi soalan yang saya kemukakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dalam sangat, sebab itu tidak dapat ditangkap.

Tuan Lim Kit Siang: Sangat dalam. Perkara rumit kepada orang-orang yang tidak mahu faham tentu sangat rumit. Apa yang saya kemukakan sangat simple. Adakah cadangan-cadangan atau pindaan-pindaan kepada Employment Ordinance yang akan dibentangkan di Dewan ini akan dibahaskan, membuat peruntukan di mana seorang pekerja yang bekerja, umpamanya 20 tahun, majikannya, mengikut Section 12 (3) (c) memberi four weeks notice to terminate perkhidmatannya. Tidak ada kata dia misconduct, tidak ada dikatakan incompetent, termination of service. Mengikut peraturan-peraturan, adakah Employment Ordinance yang akan dipinda ini memberi perlindungan (protection) kepada pekerja. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjawab?

Datuk Lee San Choon: Cadangan kami ialah untuk menarik fasal itu dan gantinya dengan memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan, kalau Ahli Yang Berhormat belum baca lagi cadangan itu tidak usahlah cabar.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada baca dan kaji pindaan-pindaan mengenai Employment Ordinance tetapi tidak mendengar barangkali Yang Berhormat Menteri tidak berapa siap dengan sebab itu . . .

Datuk Lee San Choon: Sudah siap.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau sudah siap, bila-bila kita boleh bahas, tetapi saya kata tidak ada apa-apa peruntukan untuk meminda dan saya kata apabila perbahasan mengenai Employment Ordinance itu, kita akan kembali, tetapi sekarang kita dalam usul ini. Saya kata, sekarang dan dalam pindaan-pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri, saya cabar beliau, tunjuk di mana ada peruntukan-peruntukan dalam Employment (Amendment) Bill di mana seorang yang ada services terminated—properly terminated boleh dapat protection.

Di mana? Saya tunggu, mana ada. Employment (Amendment) Bill di mana ada membuat peruntukan ini. Yang Berhormat Menteri Buruh nampaknya tidak faham labour law. Beliau tidak layak nampaknya, tidak faham tentang labour law. Saya tunggu, tunjuk. Saya ada baca Employment Ordinance dua tiga hari, jangan bluff Dewan ini, tidak ada peruntukan langsung. Itulah yang saya sedih, Tuan Yang di-Pertua, satu soalan mengenai masalah masyarakat, tidak mahu dibincangkan, tetapi dia tidak jawab. Bila ditanya kenapa, dia tak jawab, dia kata ada peruntukan. Bila ditanya mana peruntukan, dia diam, sekarang cari. Tetapi dia boleh kata, itu tak berkesan, tak berguna untuk kepentingan pekerja. Saya tidak faham peruntukan ini. Itulah sebabnya pekerja-pekerja dalam masyarakat di negara kita ini sangat susah oleh kerana ada Menteri-menteri Buruh yang tidak faham, tidak ber-simpati dan tidak tahu penderitaan-penderitaan mereka. Sungguhpun saya ada menulis kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat ini untuk membolehkan mereka membuat satu kajian terlebih dahulu, nampaknya daripada ucapan Yang Berhormat Menteri itu semua sia-sia sahaja. Tetapi tidak mengapa biar pekerja-pekerja membuat satu hukuman, hukuman bukan sahaja terhadap sikap Kerajaan, hukuman mengenai Yang Berhormat Menteri Buruh tak tahu labour law, cakap bohong. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

USUL

AKTA PERUBATAN, 1971—MELANJUTKAN KUATKUASA

4.22 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu usul untuk melanjutkan selama 5 tahun lagi kuatkuasa Bahagian VII Akta Perubatan 1971 yang mensyaratkan semua pengamal-pengamal perubatan yang telah didaftarkan oleh Pendaftar Pengamal Perubatan di bawah Seksyen 41 boleh dimestikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan supaya berkhidmat dengan Kerajaan bagi tempoh yang ditetapkan. Kuasa Bahagian

VII ini akan tamat pada 30hb September, 1976 ini, dan oleh itu perlu dilanjutkan tempoh kuatkuasanya selama 5 tahun lagi mulai 1hb Oktober, 1976.

Perkhidmatan "compulsory service" di bawah Seksyen 41 Akta Perubatan 1971 selama 2 tahun telah mengurangkan sedikit kesulitan kekurangan pegawai perubatan. Kementerian saya telahpun membuat kajian mengenai keperluan pegawai perubatan untuk memenuhi keperluan yang akan timbul daripada usaha meluaskan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di dalam dan di luar bandar dan juga untuk meninggikan lagi mutu perkhidmatan dan rawatan perubatan yang telah sedia ada di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan besar. Adalah didapati bahawa negara kita masih kekurangan pegawai-pegawai perubatan dan kita masih perlu menguatkuasakan Bahagian VII Akta Perubatan, 1971.

Dengan yang demikian, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini membuat ketetapan bahawa mengikut peruntukan seksyen-kecil (3) Seksyen 39, Akta Perubatan, 1971, Bahagian VII Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh 5 tahun lagi mulai daripada 1hb Oktober, 1976.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini membuat ketetapan bahawa mengikut peruntukan seksyen-kecil (3), Seksyen 39, Akta Perubatan, 1971 Bahagian VII Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh 5 tahun lagi mulai daripada 1hb Oktober, 1976.

RANG UNDANG-UNDANG PEKERJAAN (PINDAAN) DIKELUARKAN DARIPADA ATURAN URUSAN MESYUARAT

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Pekerjaan (Pindaan) bagi bacaan kali yang kedua iaitu DR. 14/76 dikeluarkan daripada

Aturan Urusan Mesyuarat hari ini oleh kerana naskhah dalam Bahasa Malaysia belum diterima lagi. Keputusan ini saya buat mengikut Seksyen 6, Akta Bahasa Kebangsaan, 1963/67 yang berkehendakkan iaitu segala Rang Undang-undang yang dikemukakan di dalam Parlimen hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan dan dalam bahasa Inggeris. Oleh sebab itu, ianya dikeluarkan pada hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEBANKRAPAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.25 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Kebankrapan, 1967 dibaca bagi tali yang kedua.

Maksud Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda dan mengemaskinikan Akta Kebankrapan, 1967 dan untuk mengadakan kawalan-kawalan ke atas urusan-urusan orang-orang bankrap dan orang-orang lain untuk mencegah mereka daripada terlepas dari pentadbiran adil undang-undang kebankrapan. Di bawah seksyen 28 (1) (b) Akta Kebankrapan seorang bankrap hanya dikehendaki mengemukakan kepada Pegawai Penerima Harta sekali dalam tiap-tiap 6 bulan akaun semua wang dan harta yang telah sampai ke dalam tangannya untuk kegunaannya sendiri dalam masa 6 bulan yang telah lalu. Tatkala itu tiap-tiap keuntungan yang tak disangka-sangka yang telah diterima olehnya dalam bentuk wang atau harta mungkin telah habis dibelanja atau digunakan olehnya. Yang demikian menjadikan sukar bagi Pegawai Penerima Harta menuntut wang atau harta itu untuk faedah sipiutang-sipiutangnya. Jadi, Fasal 3 (1) (a) Rang Undang-undang itu bertujuan untuk membetulkan perkara ini dengan menghendaki seorang bankrap memberitahu kepada Pegawai Penerima Harta dengan segera apabila sahaja menerima apa-apa wang atau harta lebih daripada \$500, iaitu wang atau harta yang bukan terdiri daripada sebahagian daripada pendapatannya yang biasa. Yang demikian menjadikan lebih

senang dan mudah bagi Pegawai Penerima Harta menuntut wang atau harta itu untuk faedah sipiutang-sipiutangnya.

Akta Kebankrapan pada masa sekarang ini tidak melarang seseorang bankrap menjalankan sesuatu perniagaan. Mengadakan larangan semua sekali adalah difikirkan tidak wajar dan suatu kompromi adalah dicadangkan. Oleh yang demikian, Fasal 3 (1) (c) bertujuan untuk mengadakan peruntukan supaya seorang bankrap tidak boleh masuk berniaga atau menjalankan perniagaan, samada berseorangan ataupun berkongsi ataupun menjadi seorang pengarah sesuatu syarikat atau mengambil bahagian dalam pengurusan sesuatu syarikat, kecuali dengan kebenaran Pegawai Penerima Harta atau mahkamah. Adalah suatu rungutan yang biasa dari sipiutang-sipiutang bahawa seseorang bankrap kerap kali dilihat menjalankan perniagaan pura-pura sebagai seorang pekerja bagi isteri atau suaminya atau saudara karibnya yang lain. Tetapi sebenarnya sibankrap itulah yang benar-benar menjalankan perniagaan itu. Jadi Fasal 3 (2) bertujuan untuk mencegah hal ini dengan seberapa yang boleh dengan mewajibkan seseorang bankrap mendapat kebenaran Pegawai Penerima Harta atau Mahkamah sebelum masuk dalam pekerjaan seperti itu. Yang demikian membolehkan Pegawai Penerima Harta atau Mahkamah menyiasat perkara itu dengan sepenuhnya sebelum memberi kebenaran.

Fasal itu juga akan memberi kuasa kepada Pegawai Penerima Harta atau Mahkamah mengenakan apa-apa jua syarat yang difikirkannya patut sebelum memberi kebenaran itu. Di bawah Akta Kebankrapan adalah perlu bagi Pegawai Penerima Harta membuktikan niat seseorang bankrap hendak memberi keutamaan kepada seseorang sipiutang sebelum sesuatu transaksi itu boleh diketepikan oleh Mahkamah sebagai tipu daya atau fraudulent dan tidak sah terhadap Pegawai Penerima Harta. Pengalaman telah menunjukkan bahawa niat seperti itu amat sukar hendak dibuktikan dan ini menyebabkan ramai sipiutang-sipiutang menerima keutamaan-keutamaan tipu daya yang mana sebaliknya patut diketepikan. Adalah dirasakan bahawa apabila sesuatu keutamaan diberi dalam tempoh 6 bulan yang disyaki niat patutlah menjadi tidak berkaitan dan oleh itu Fasal 5 bertujuan untuk menghapuskan kehendak yang memerlukan niat itu dibuktikan.

Dalam Akta Kebankrapan tiada apa-apa peruntukan memberi kuasa kepada Pegawai Penerima Harta untuk menuntut hutang dalam buku (book debts) yang telah diserahkan atau assigned oleh seseorang yang menjalankan trade atau perniagaan dan yang kemudiannya menjadi bankrap. Oleh kerana perbuatan itu semakin bertambah. Seksyen 53A yang terkandung dalam Fasal 6 adalah bertujuan untuk membetulkan hal yang tersebut. Juga dalam Akta Kebankrapan tiada apa-apa peruntukan bagi Pegawai Penerima Harta menuntut apa-apa harta atau nilainya daripada seseorang yang telah memperolehi harta itu daripada seseorang bankrap di bawah suatu transaksi yang tidak sah atau boleh dijadikan tidak sah dan yang kemudiannya diketepikan oleh Mahkamah. Jika orang itu telah menjual, melupuskan atau memungut harta itu atau apa-apa bahagiannya.

Seksyen 53B dalam Fasal 6 bertujuan untuk mengadakan peruntukan supaya harta itu disifatkan sebagai harta Pegawai Penerima Harta dan juga untuk memberi kuasa kepada Pegawai Penerima Harta menuntut harta itu, atau nilainya bukan sahaja daripada orang itu bahkan juga daripada sesiapa jua yang kepadanya orang itu mungkin telah menjualkan semula atau memindah milik harta itu melainkan jika pembeli-pembeli yang kemudian boleh menuntut perlindungan sebagai pembeli-pembeli *bona fide*. Adalah satu perkara yang amat biasa bagi seseorang yang ada dalam kesulitan wang yang tidak berupaya membayar hutangnya apabila sahaja hutang itu kena dibayar dari wangnya sendiri, menjual apa-apa jua hartanya kepada isterinya atau saudara karibnya yang lain dengan harga jauh-kurang daripada nilai harta itu bagi maksud hendak mengemukakan tuntutan sipiutang-sipiutangnya.

Seksyen 53C dalam Fasal 6 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menetapkan nilai pasaran bagi harta itu dan juga bagi Pegawai Penerima Harta menuntut apa-apa kekurangan mengenai pembelian-pembelian itu untuk faedah sipiutang-sipiutang sibankrap.

Fasal 7 bertujuan untuk mentakrifkan perbantuan "valuable consideration" dan "notice" oleh kerana takrifnya adalah perlu untuk menjadi garis panduan. Di bawah Akta Kebankrapan Pegawai Penerima Harta boleh dikenakan tanggungan sendiri atas apa-apa perkara yang dilakukan atau di-

cadang hendak dilakukan atau yang tidak dilakukan. Adalah dirasai bahawa Pegawai Penerima Harta sebagai seorang Penjawat Kerajaan tidak patut kena menjalankan kewajipan-kewajipan dalam hal keadaan di mana ia sentiasa terancam, ia akan bertanggung-tanggung sendiri atas perbuatan-perbuatan rasmi yang tersebut.

Fasal-fasal 9, 10 dan 13 bertujuan untuk menghapuskan tanggungan sendiri tersebut yang ada sekarang bagi Pegawai Penerima Harta dalam menjalankan kewajipan-kewajipannya di bawah Akta ini. Hasil dari beberapa keputusan kehakiman baharu-baharu ini terdapat keraguan iaitu samada kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kebankrapan patut dibicarakan oleh Mahkamah Rendah atau Mahkamah Tinggi. Oleh kerana hukum-hukum yang boleh dikenakan di bawah Akta itu bagi kesalahan-kesalahan itu adalah termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Rendah maka Fasal 8 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Mahkamah Rendah membicarakan semua kesalahan di bawah Akta tersebut. Dalam pendakwaan atas kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 109 (1) (m) Akta Kebankrapan beban bagi membuktikan bahawa sibankrap telah tidak memberitahu atau menyatakan tentang kebankrapannya adalah terletak ke atas Pegawai Penerima Harta.

Fasal 17 bertujuan untuk memindahkan beban itu kepada sibankrap. Dalam pendakwaan atas kesalahan-kesalahan di bawah seksyen III Akta Kebankrapan beban bagi membuktikan bahawa sibankrap adalah tidak berkemampuan (insolvent) atau tidak mempunyai apa-apa alasan yang menasabah bagi menjangkakan bahawa yang ia akan berupaya membayar hutang atau hutang-hutang yang telah dilakukannya adalah terletak ke atas Pegawai Penerima Harta.

Pengalaman telah menunjukkan juga bahawa amatlah sukar bagi Pegawai Penerima Harta mengadakan bukti itu untuk Mahkamah. Dan Fasal 18 bertujuan untuk memindahkan beban itu kepada sibankrap.

Pindaan-pindaan lain adalah disenaraikan dalam Jadual kepada Rang Undang-undang itu memandangkan kepada nilai wang sekarang ini seseorang berhutang sekarang adalah melakukan suatu perbuatan kebankrapan yakni "an act of bankruptcy" jika jumlah wang yang terlibat dalam pelaksanaan sesuatu hukuman adalah \$1,000

dan bukan \$500. Hutang minimum yang di-
hadkan sipiutang mengemukakan "petition"
kebankrapannya terhadap siberhutang adalah
dinaikkan daripada \$1,000 kepada \$2,000.

Fasal-fasal yang lain itu mengandungi
pindaan-pindaan kecil dan berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
cadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan
Yang di-Pertua saya mohan menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-
setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang
kedua dan diserahkan kepada Dewan
sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam
Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 21 diperintahkan menjadi
sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian
daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan
tidak ada pindaan: dibacakan kali yang
ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-
ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan
sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 6hb
Julai, 1976.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 4.41
petang.*